

Perkembangan Agama

Kerajaan Funan

- Agama Hindu dan Buddha tersebar sejak abad pertama.
- Fan Shih-man merupakan Raja Funan yang memainkan peranan penting dalam perkembangan agama Buddha.
- Candi Buddha yang terkenal ialah Candi Go Cay Thi.

Kerajaan Champa

- Sejak abad keempat, agama Hindu tersebar semasa pemerintahan Bhadravarman.
- Beliau mendirikan candi Hindu di Lembah Mi Son yang dikenali sebagai Siva-Bhadresvara dan di Po Nagar.
- Penyebaran agama Buddha dibuktikan dengan pembinaan Candi Dong Duong.
- Penyebaran agama Islam pula dibuktikan melalui penemuan Batu bersurat bertarikh 1035 dan batu nisan bertarikh 1039 di Panduranga.
- Islam mulai tersebar pada abad ke-14 semasa pemerintahan Sultan Zainal Abidin.

Kerajaan Angkor

- Agama Hindu menjadi anutan utama masyarakat dan mencapai kegemilangan semasa pemerintahan Suryavarman II.
- Angkor Wat merupakan candi Hindu yang terkenal.
- Agama Buddha menjadi agama utama semasa pemerintahan Jayavarman VII pada abad ke-12.

Kerajaan Srivijaya

- Menjadi pusat kegiatan agama Buddha sejak abad ketujuh.
- Pendeta Buddha bernama I-Tsing dari China pernah datang ke Srivijaya untuk mempelajari bahasa Sanskrit dan menterjemahkan kitab-kitab agama Buddha.
- Candi Buddha yang terkenal ialah Candi Muara Jambi, Candi Muara Takus dan Candi Bahal.

Kerajaan Majapahit

- Agama Hindu dan Buddha berkembang serentak dan mempengaruhi masyarakat kerajaan Majapahit.
- Pada abad-14, Hayam Wuruk telah menyatukan aliran dalam agama Hindu dan Buddha yang digelar Tripaksa.
- Candi terkenal ialah Candi Jabong, Candi Sukuh dan Candi Brahu.
- Agama Islam tersebar sejak abad ke-14 berdasarkan bukti pelantikan Wu Ping, pegawai kerajaan Ming beragama Islam sebagai wakil tetap di Majapahit.
- Pelantikan Gan Eng Chou, pegawai beragama Islam sebagai ketua kaum Cina di Tuban (kota pelabuhan Majapahit).
- Selepas keruntuhan kerajaan Majapahit, muncul kerajaan Demak yang menjadi pusat pengajian agama Islam terbesar di Jawa pada abad ke-16.

Kerajaan Kedah Tua

- Agama Buddha menjadi anutan utama sejak abad kelima sebelum agama Hindu tersebar.
- Kerajaan Kedah menerima pengaruh Islam pada abad ke-12.
- Pada tahun 1136, pemerintah Kedah yang kesembilan, iaitu Maharaja Derbar Raja II telah memeluk Islam.

Kerajaan Gangga Nagara

- Masyarakat kerajaan Gangga Nagara menganut agama Buddha.
- Hal ini dapat dibuktikan melalui penemuan arca-arca Buddha di Lembah Kinta.
- Patung Buddha, Avalokitesvara ditemui di Bidor, Perak.
- Arca-arca Buddha tersebut bertarikh abad keenam hingga kesembilan Masihi.